

ASAS-ASAS PERBEZAAN DI ANTARA ALIRAN SUNNI DAN SYI'I

Zakaria @ Mahmud b. Daud

Abstract

The controversial between the Sunnies and Shi'ies is a well-known issue among the Malaysian society. Many people misunderstood the position of Shi'i according to Sunni. Therefore, this article attempts to explore the differences between Sunni and Shi'i in both its fundamental and secondary aspects.

Pendahuluan

Di waktu mutakhir ini orang ramai di kebanyakkannya negara Islam mula berbincang semula mengenai aliran pemikiran Sunni dan Syi'i. Ini berlaku di antara lain kerana ramai dari pengikut Ahli Sunnah terpengaruh dengan apa yang ada pada orang-orang Syi'ah dan Kerajaan Iran serta ditambah pula dengan usaha dakwah yang dilakukan oleh segelintir orang-orang Syi'ah dan Ahli Sunnah yang terpengaruh dengan ajaran-ajaran Syi'ah. Mereka ini cuba mengemukakan ajaran-ajaran Syi'ah kepada orang ramai yang pada lahirnya nampak lojik dan berdasarkan kepada al-Quran, Sunnah dan fakta sejarah. Dengan itu semakin ramai orang Islam Sunni di Malaysia, Indonesia dan lain-lain sama ada dari kalangan ulama dan orang-orang biasa tertarik kepada Syi'ah lalu menerima dan menghayati ajaran dan buah fikiran mereka serta mengatakan kedua-dua aliran Sunni dan Syi'i tidak ada apa-apa berbezaan kecuali dalam masaalah furu' sahaja. Kerana itu dikatakan pengikut Ahli Sunnah boleh mengambil dan menghayati ajaran Syi'ah.

Benarkah kedua-dua aliran Sunni dan Syi'i tidak ada apa-apa perbezaan pokok? Dalam artikel ini penulis cuba memaparkan sebahagian daripada asas perbezaan di antara Sunni dan Syi'i untuk pengetahuan bersama.

Definisi Sunni Dan Syi'i

Sebelum penulis menjelaskan beberapa asas perbezaan di antara aliran Sunni dan Syi'i, perlu dijelaskan dahulu apakah sebenarnya aliran Sunni dan Syi'i itu. Aliran Sunni ialah aliran mazhab Ahli Sunnah yang juga terkenal dengan *al-Firqah al-Najiah* (golongan yang berjaya dan selamat) kerana mereka mengikut Sunnah Rasulullah s.a.w. Rasulullah menjelaskan mengenai golongan yang berjaya ini dalam sabdanya yang bermaksud:

Umatku akan berpecah kepada tujuh puluh tiga golongan dan golongan yang berjaya (selamat) hanya satu dan yang lain semuanya binasa lalu ditanya orang, "Siapa golongan yang berjaya itu?" Baginda menjawab, "Ahli Sunnah". Ditanya lagi, "Siapakah Ahli Sunnah itu?" Baginda menjawab, "Ialah apa yang aku (pegang) pada hari ini dan juga (apa yang dipegang) oleh sahabat-sahabat aku".¹

Hadis ini adalah hadis sahih² diriwayat oleh ramai sahabat seperti Abu Darda, Jabir, Abu Said al-Khadri, Ubai bin Kaab, Abu Umamah, Wail bin Asqa, juga oleh Khulafa Rasyidin.³

Dari hadis ini jelas bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah ialah golongan yang berpegang teguh dan berpandukan kepada minhaj Rasulullah s.a.w. serta sahabat baginda dan menolak segala bentuk ajaran

¹ Asy-Syahrastani, *al-Milal wa-al-Nihal*, Dar al-Ma'rifat, Beirut, cet: II, 1975, j. 1, h. 13

² Ibnu Taimiyah, *Majmu' al-Fatawa*, Dar al-Ifta', Riyad, 1398, j. 3, h. 345

³ Muhammad Nasiruddin al-Albani, *Salsilah al-Ahadiyah al-Sahihah*, al-Maktab al-Islami. t.t. j. 1, h. 13.

sesat di dalam kehidupan mereka. Mereka bukan dari pengikut golongan-golongan Rawafidh (Syi'ah), Khawarij, Jahmiah, Qadariah, Muktazilah, Jabariah dan lain-lain lagi yang dikira menyeleweng dan sesat.⁴

Manakala aliran Syi'i yang dimaksudkan di sini ialah aliran golongan khususnya Syi'ah Imamiyyah. Ulama' Ahli Sunnah telah memberi berbagai-bagai definisi mengenai Syi'ah ini, antara-nya:

1. Al-Syarastani menyebut yang maksudnya:

"Syi'ah ialah mereka yang mengikut Ali k.a.w. secara khusus dan mengatakan Ali berhak menjadi imamah (khalifah) dengan melalui nas dan wasiat (dari nabi) secara terang dan jelas atau secara sembunyi, juga mereka beriktikad jawatan imamah mesti dari keturunan Ali. Jika jawatan itu diperolehi oleh orang lain maka itu mungkin diperolehi secara zalim atau kekerasan atau pun dengan taqiah daripada pihak Ali dan keluarganya."⁵

2. Imam Abu Hassan al-'Asyaari pula menyebut yang maksudnya:

"Dikatakan seseorang itu golongan Syi'ah kerana mereka mengikut dan menyokong Ali bin Abi Talib, mengutama dan melebihi beliau ke atas sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. yang lain".⁶

3. Ibn Hazmi pula mendefinisikan Syi'ah dengan berkata yang maksudnya:

"Sesiapa yang bersetuju dengan Syi'ah dengan mengatakan Ali bin Abi Talib adalah manusia yang paling afdal selepas Rasulullah s.a.w. dan

⁴Untuk lebih jelas lihat Ab. Qadir al-Baghdadi, *al-Farq Bayna al-Firaq*, Dar al-Afaq al-Hadithah, cet. I, 1973-1393, h. 313-318

⁵Al-Syahrastani, *op. cit.*, j. I, h. 146.

⁶Abu Hassan al-'Asyaari, *Maqalat Islamiyyin*, Tahqiq. Muhammad Muhyiddin Abd. Hamid, Maktabah al-Nahdah al-Masriyyah, cet: II, 1969M, 1379H, j. I, h. 65.

dia lebih berhak menjadi imamah, kemudian selepas itu oleh cucunya, maka orang itu dikatakan orang Syi'ah".⁷

Dari beberapa definisi di atas boleh dibuat kesimpulan, Syi'ah ialah satu kumpulan orang Islam yang melebihkan Ali bin Abi Talib dan cucunya daripada sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. yang lain dan dianggap mereka itu lebih berhak menjadi imamah selepas Rasulullah s.a.w., kerana dikatakan jawatan itu telah ditentukan oleh Rasulullah s.a.w. sendiri. Kerana itu ketiga-tiga Khalifah; Abu Bakar, Umar dan Othman dianggap sebagai perampas hak Ali dan derhaka kepada Allah s.w.t. dan Rasul-Nya.

Imam Muhammad Abu Zahrah menyebut sikap Syi'ah ini, katanya yang bermaksud:

"Sy'iah (Imamah) berkeyakinan bahawa Ali adalah khalifah pilihan Rasulullah dan dia adalah sahabat yang paling afdhal dan utama, Kerana itulah Syi'ah berpendapat Abu Bakar, Umar dan Othman merampas jawatan khalifah hak kepunyaan Ali".⁸

Perlu disebut di sini bahawa telah menjadi satu perkara umum di sisi ulama keseluruhannya, apabila disebut perkataan "Syi'ah" sahaja, maka ia memberi maksud "Syi'ah Imamiyyah" atau "Syi'ah Ithna 'Asyariyyah" yang kebanyakannya mendiami Iran, India, Pakistan, Lubnan dan lain-lain. Jadi di sini pun apabila disebut aliran Syi'i ia bermaksud Syi'ah Imamiyyah.

Beberapa Asas Perbezaan Di Antara Aliran Sunni Dan Syi'i

Jika dikaji secara mendalam buku-buku dan kitab-kitab tulisan ulama Syi'ah dan Ahli Sunnah dahulu dan sekarang didapati banyak

⁷Ibn Hazmi, *al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa wa al-Nihal*, Maktab al-Muthana, Baghdad, 1321, j. 2, h. 113

⁸Muhammad Abu Zuhrah, *al-Imam Zaid Hayatush wa 'Asruh Araah wa Fiqh*, Dar al-Fikr al-'Arabi, al-Kaherah, 1959M, 1378H, h. 4

perbezaan di antara kedua-dua aliran Sunni dan Syi'i ini. Perbezaan itu meliputi bidang-bidang akidah dan asas-asas penting agama, juga bidang-bidang fekah atau *furu'* agama seperti perbezaan konsep imamah, imam-imam semuanya maksumnya, *taqiyah*, sikap terhadap sahabat Rasulullah s.a.w. hadis, al-Quran, nikah mut'ah dan lain-lain.

Di bawah ini penulis membahagikan perkara-perkara perbezaan kepada dua bahagian:

- i. Bahagian asas-asas agama
- ii. Bahagian fekah (*furu'*)

i. Akidah

Di antara perkara penting yang menjadi perselisihan pendapat di antara dua aliran Sunnah dan Syi'i dalam bidang ini ialah:

(a) Konsep Imamah

Syi'ah percaya bahawa imamah adalah salah satu dari rukun iman sama seperti percaya kepada Allah, rasul-rasul-Nya, malaikat, hari kiamat dan lain-lain. Iman seseorang tidak dikira sah bahkan masih dianggap kafir jika tidak percaya kepada imam-imam seramai 12 orang.⁹ Perlantikan mereka telah ditentukan oleh Allah, oleh Rasulullah s.a.w. dan oleh imam-imam terdahulu berpandukan kepada ketetapan Allah, seperti Ali bin Abu Talib melantik anak-anaknya, Hassan dan Hussin kemudian Hussin melantik anaknya Ali dan begitulah seterusnya sehingga kepada imam yang kedua belas.

Kedudukan imam-imam dan darjat mereka sungguh tinggi melebihi kedudukan dan darjat para rasul dan malaikat. Mereka dianggap maksum,

⁹Dr. Said Ismail, *Mabadi 'Aqadiyyah Bayna al-Sunnah wa al-Syi'ah*, Dar al-Haqiqah li al-'Ilam al-Duwali, Kaherah, t.t. h. 25, Ihsan Ilahi Dahir, Al-Syi'ah, wa al-Sunnah, *Idarah Tarjuman al-Sunnah*, Lahore, cet: III, 1976, h. 99.

segala kata-kata imam dan pendapat mereka semua-nya betul dan benar dan menjadi syariat agama. Malaikat seluruhnya patuh kepada mereka. Alam akan rosak binasa jika tidak ada imam. Imam juga ada autoriti untuk mengistiharkan sesuatu halal atau haram. Mereka tahu perkara-perkara ghaib dan bila ajal mereka akan sampai dan lain-lain lagi keistimewaan. Al-Khomeini menyebut yang maksudnya:

"Sesungguhnya bagi imam-imam (ketua negara) itu mempunyai maqam/kedudukan yang terpuji, darjah yang tinggi, mempunyai kuasa "*al-Khalifah al-Takwaniyyah*" (kuasa yang dilantik oleh Allah), segala atom-atom di dunia tunduk dan patuh kepada kekuasaannya".

"Kita beriktikad bahawa imam-imam kita mempunyai maqam/kedudukan yang tinggi, tidak sampai ke makam tersebut oleh para malaikat, yang hampir (dengan Allah) dan tidak juga oleh para nabi dan Rasul Allah".¹⁰

Di tempat lain beliau menjelaskan lagi yang maksudnya:

"Sesungguhnya ajaran para imam sama seperti ajaran-ajaran al-Quran yang bukan untuk sesuatu generasi yang tertentu sahaja, bahkan untuk semua manusia di setiap tempat dan masa hingga ke hari kiamat. Ia wajib dilaksanakan dan wajib diikuti".¹¹

Al-Kulaini memetik apa yang dikatakan Imam Jaafar al-Sadiq (84H-148H) berkata yang maksudnya:

"Kami (para imam) khazanah (tempat simpanan) ilmu Allah, kami penjelas perintah Allah, kami maksum, Allah memerintah (manusia)

¹⁰ Al-Khomeini, *al-Hukumah al-Islamiah*, Tehran, 1389H, h. 52.

¹¹ *Ibid*, h. 113.

mentaati kami dan menegah dari menderhakai kami.¹² Jawatan imam adalah perjanjian daripada Allah dan nabi-Nya untuk orang-orang tertentu, seorang selepas seorang hingga kepada imam terakhir yang ghaib".¹³

Konsep imamah yang begini rupa tidak ada pada pemikiran Ahli Sunnah. Mereka tidak menganggap kepercayaan kepada imamah satu dari rukun iman. Yang maksum hanya para Rasulullah, kata-kata imam bukannya syariat agama, maqam dan darjat imam tidak dapat mengatasi maqam rasul dan malaikat. Sebagai kesimpulan pemikiran mereka terhadap imam tidak seperti kepercayaan orang Syi'ah.

(b) Sikap Terhadap Sahabat Rasulullah s.a.w.

Syi'ah Imamiyyah menganggap ramai *Kibar al- Sahabat* seperti Abu Bakar, Umar dan Othman adalah jahat. Mereka merampas jawatan imamah kepunyaan Ali. Syi'ah mengatakan sahabat-sahabat tersebut melakukan penyelewengan dan penentangan terhadap ajaran Allah dan Rasul-Nya sewaktu mereka memerintah. Sahabat-sahabat lain yang menyokong mereka bertiga dituduh jahat, termasuk anak perempuan Abu Bakar dan Umar (Aisyah dan Hafsa) yang menjadi isteri Rasulullah s.a.w. Bagi orang Syi'ah, mencaci sahabat-sahabat tersebut tidak dikira salah bahkan mendapat pahala. Kerana itu mereka menolak hadis-hadis yang diriwayatkan oleh ramai para sahabat.¹⁴ Bukan itu sahaja bahkan ramai dari sahabat telah dituduh murtad.

Dalam buku *Butlan 'Aqaid al-Syi'ah* pengarangnya memetik tulisan

¹²Dipetik dari Muhammad Abd. Sattar al-Tunisawi, *Butlan 'Aqaid al-Syi'ah*, t. percetakan, 1408, h. 23.

¹³Muhammad bin Yaakub al-Khuaini, *Usul al-Kafi*, Dar al-Kutub al-Islamiyyah, Tehran, cet: II, 1388, j. 2, h. 170.

¹⁴Dalam kitab-kitab hadis mereka, tidak diperolehi satu hadis pun yang diriwayatkan oleh Abu Bakar, Umar, Othman, Aishah, Abu Hurairah dan lain-lain.

seorang ulama' besar Syi'ah, Muhammah al-Baqir al-Majlisi dari kitabnya *Haqqu al-Yaqin* halaman 522, menyebut yang maksudnya:

"Ali bin al-Hussain (cucu Saidina Ali) berkata kedua-kedua Abu Bakar dan Umar adalah kafir, sesiapa yang kasih sayang kepada kedua-duanya juga adalah kafir".¹⁵

Dalam halaman 393 pula, al-Majlisi menyebut yang maksudnya:

"Ramai sahabat murtad selepas wafatnya Rasulullah kecuali empat orang sahaja. Orang ramai selepas baginda menjadi seperti keadaan Nabi Harun dan pengikutnya di satu pihak, dan seperti patung *al-Ijli* (anak lembu) dan penyembahannya di satu pihak yang lain, maka Ali seperti kedudukan Harun (kekal Islamnya), sedangkan Abu Bakar seperti patung *al-Ijli* (disembah orang) dan Umar seperti *al-Samirie* (yang pengukir patung *al-Ijli*) kedua-duanya kafir".¹⁶

Dalam halaman 519, al-Majlisi menjelas lagi sikap Syi'ah terhadap sahabat Rasulullah s.a.w. katanya yang maksudnya:

"Akidah kita pengikut-pengikut Syi'ah, kita berlepas dari, *al-Bara'* tidak ada kena mengena dengan berhala-berhala berempat, iaitu Abu Bakar, Umar, Othman dan Muaqiah, juga (berlepas diri) dengan empat orang perempuan, iaitu Aisyah, Hafsa (kedua-dua isteri Rasulullah s.a.w.), Hindun dan Ummu al-Hakam, juga kita berlepas diri dengan semua pengikut mereka dan penyokong-penyokongnya. Sesungguhnya mereka itu sejaht-jahat makhluk Allah di muka bumi-Nya.

¹⁵Muhammad Ab. Sattar al-Tunisawi, *op. cit.* h. 60.

¹⁶*Ibid.* h. 61.

Ketahuilah tidak sempurna iman seseorang kepada Allah, kepada Rasulullah dan kepada imam-imam kecuali jika seseorang itu terlepas diri dengan musuh-musuh mereka (seperti yang tersebut di atas)".¹⁷

Tidak cukup dengan cacian dan kutukan Syi'ah terhadap *Kibar al-Sahabat*, bahkan dikutuk lagi di dalam sejenis doa yang dipanggil *Doa Sanamai al-Quraisyin* (doa ke atas dua berhala orang Quraisy, Abu Bakar dan Umar). Doa ini mengutuk Abu Bakar, Umar, Aisyah, Hafsa juga sahabat-sahabat yang menyokong kedua-dua khalifah tersebut. Doa itu dipersetujui oleh Imam Khomeini dan oleh ramai ulama Syi'ah lain. Teks doa tersebut ada di dalam kitab *Tuhfah al-'Awam Makbul Jadid*, halaman 422-423, cetakan Lahor.¹⁸

Di antara maksud doa tersebut ialah:

"Dengan nama Tuhan Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani, wahai Tuhan, cucurilah selawat-Mu ke atas Muhammad dan kaum keluarga Muhammad, wahai Tuhan laknatlah kedua-dua orang berhala kaum Quraisy, juga kedua-dua jibt (syaitan dan taq hutnya, yakni Abu Bakar dan Umar) melanggar perintah-Mu, kedua-dua mengingkari wahyu-Mu, kedua-kedua mengingkari nikmat-Mu, menderhaka kepada kitab-Mu (al-Quran) dan kasihkan musuh-musuh-Mu, kedua-dua meninggal (tidak menghukum) dengan hukum-hukum-Mu, kedua-dua membatal fardu-fardu yang Mu perwajibkan, kedua-dua tidak percaya kepada ayat-ayat-Mu, menentang aulia-Mu dan kedua-duanya melantik musuh-Mu, kedua-dua merosakkan negeri (dunia)Mu".

"Wahai Tuhan, laknatlah kedua-dua mereka dan pengikutnya. Sesungguhnya kedua-dua orang itu telah merosakkan rumah nabi, dan kedua-dua telah syirik dengan Tuhan Nabi dan Tuhan Imam. Oleh itu

¹⁷ *Ibid.* h. 48.

¹⁸ Lihat Dr. Ahmad Syaat, *Bayna al-Sunnah al-Muhammadiyyah wa al-Sunnah al-Khomeiniyyah Aqidah wa al-Tarikh*, t. percetakan, cet: I, 1988-1409, h. 172.

tambahlah dosa-dosa mereka berdua dankekalkan mereka berdua di dalam neraka Saqar, dan kamu (manusia) tidak mengetahui apa dia Saqar itu? Dia membakar mangsanya itu dengan tidak meninggalkan (binasa terus)..... Wahai Tuhan, laknatlah mereka semua sebanyak kemungkaran yang mereka lakukan, sebanyak kebenaran yang mereka abaikan, sebanyak bilangan orang-orang munafik yang mereka lantikkan..... Sebanyak bilangan orang-orang kafir yang mereka tolong, sebanyak bilangan-bilangan imam-imam yang mereka kalahkan, sebanyak bilangan fardhu-fardhu yang mereka ubahkan".

"Wahai Tuhan, laknatlah mereka sebanyak bilangan ayat-ayat al-Quran yang mereka ubahkan, sebanyak bilangan fardhu yang ditinggalkan, sebanyak bilangan sunnah-sunnah yang diubah, sebanyak bilangan hukum-hukum yang tidak dijalankan, sebanyak wasiat yang ditukarkan.... Wahai Tuhan, azabkan (seksakan) mereka dengan satu azab (yang pedih) yang semua penghuni neraka meminta pertolongan (untuk melepas diri daripadanya). Amin, ya Rabbal Alamin".¹⁹

Dari petikan di atas jelas bahawa golongan Syi'ah memang mencaci dan mengutuk ramai para sahabat Rasulullah s.a.w. termasuk ketiga-tiga orang khalifah yang telah mendapat pujian dan jaminan masuk syurga oleh Rasulullah s.a.w. sendiri.²⁰ Juga kepada kedua orang isteri baginda s.a.w. serta lain-lain lagi. Cacian dan kutukan seperti ini perlu didedah kepada seluruh umat Islam supaya mereka semua dapat tahu hakikat sebenar, dan tahu sikap orang-orang Syi'ah di dalam masaalah ini. Dengan maklumat yang diberi setiap individu muslim dapat menilai yang mana benar dan yang mana batil, yang mana intan dan yang mana kaca.

Kerana sikap golongan Syi'ah sedemikian terhadap para sahabat Rasulullah s.a.w., didapati mereka tidak mengiktiraf kewujudan kerajaan

¹⁹ *Ibid.*, h. 173-174.

²⁰ Lihat Hadis jaminan daripada Rasulullah bahawa ketiga-tiga orang sahabat ini akan masuk syurga dalam *Sahih al-Tirmidhi*, j. 5, h. 311.

Islam selain daripada kerajaan di zaman Nabi, di zaman Saiyidina Ali dan di zaman anak cucunya. Ini bererti mereka beranggapan bahawa semua kerajaan Islam semenjak dari zaman wafatnya Rasulullah s.a.w. hingga ke zaman sekarang ini, kecuali beberapa tahun di zaman pemerintahan Saiyidina Ali sahaja dipandang sebagai kerajaan yang tidak sah dan tidak boleh diberi taat setia dengan ikhlas oleh golongan mereka, bahkan setiap orang Syi'ah memandang serong terhadap kerajaan itu, kerana seluruh kerajaan yang berkenaan baik yang telah lalu, yang masih wujud dan yang akan wujud kelak adalah merupakan kerajaan yang dirampas atau direbut secara kekerasan dan paksaan. Manakala pemerintahan yang sah dan syari'e, mengikut pandangan orang-orang Syi'ah ialah kerajaan imam-imam dua belas mereka sahaja, sama ada mereka itu sempat memegang teraju pemerintah atau pun tidak.²¹

Oleh hal demikian, al-Khomeini semasa membicarakan tentang kerajaan Islam di dalam *Kitab al-Hukumah al-Islamiyyah* tidak menyebut kerajaan di zaman ketiga-tiga orang khalifah sebelum Ali sebagai kerajaan Islam. Dia hanya menyebut kerajaan Islam di zaman Rasulullah dan di zaman Ali sahaja. Beliau berkata yang maksudnya:

"Sesungguhnya telah pasti pada syarak dan pada akal tentang penting adanya kerajaan Islam di zaman Rasulullah s.a.w. dan di zaman Imam Ali Amirul Mukminin, maka hal seperti ini juga penting ada juga sampai ke hari ini".²²

Apabila menyebut tentang kerajaan Muawiah dan kerajaan Umaiyyah, beliau juga menolak dan tidak mengiktiraf sebagai kerajaan Islam. Beliau berkata yang maksudnya:

²¹ Al-Syaid Muhibbuddin al-Khatib, *al-Khutut al-Aridah*, Muassasah Makkah li al-Tiba'ah, t.t. h. 16-17.

²² Al-Khomeini, *op. cit.*, h. 26.

"Kerajaan Muawiyah tidak menggambarkan suasana Islam, dia tidak menyerupai sedikitpun sebagai sebuah kerajaan Islam sama ada jauh atau dekat".²³

Dari sini jelas bahawa sikap Imam Khomeini tidak ada bezanya dengan sikap ulama-ulama Syi'ah yang terdahulu sebelum beliau. Mereka semua membawa fahaman yang sama, iaitu sama-sama mencaci ketiga-tiga khalifah dan tidak mengiktiraf kewujudan kerajaan mereka. Sedangkan ketiga-tiga orang khalifah Rasyidin telah diakui oleh Allah dan Rasul-Nya serta telah dilantik dengan sah dan telah diberi baiah atau taat setia oleh kesemua para sahabat yang ada pada masa itu sehingga Saiyidina Ali sendiri pun memberi taat setia kepada ketiga-tiga khalifah tersebut dan beliau pernah menjadi penasihat kepada mereka.

Apabila ketiga-tiga orang khalifah dianggap merampas hak Ali dan melanggar perintah Rasulullah, dan sahabat-sahabat lain dianggap jahat kerana menyokong mereka bertiga, kemudian ditambah pula dengan apa yang dikatakan mereka melakukan berbagai-bagai kesalahan, maka ini bererti orang Syi'ah telah menganggap para *Kibar al-Sahabat* adalah orang fasik dan tidak adil. Kalau beginilah anggapan mereka, maka anggapan itu akan melahirkan pelbagai akibat buruk terhadap Islam dan ajarannya antaranya:

1. Banyak hadis Rasulullah terpaksa ditolak, tidak boleh diterima, kerana hadis yang diriwayat oleh orang-orang fasik dan tidak adil tidak boleh dipakai.
2. Banyak hukum agama yang tidak boleh diikuti, apa yang dihukum dan yang diijtihad oleh ramai sahabat kesemuanya dianggap tidak sah dan batal.
3. Perkhabaran dari Allah dan Rasul-Nya mengenai kelebihan khalifah Rasyidin dan sahabat lain seperti perkhabaran mengenai sepuluh orang

²³ *Ibid.*, h. 71.

sahabat akan masuk syurga, dianggap perkhabaran bohong, yang diadakan oleh sahabat, bukan sebenarnya yang diucap oleh Rasulullah s.a.w. dan lain-lain lagi.

Oleh itu segala pandangan Syi'ah mengenai Khalifah Rasyidin dan sahabat-sahabat lain perlu ditapis dan dirujuk kepada sumber yang sah di sisi Ahli Sunnah. Semoga umat Islam tidak terjerumus ke dalam jerat yang dipasang oleh mereka.

Sikap Syi'ah terhadap sahabat seperti ini berbeza sekali dengan Ahli Sunnah. Golongan Ahli Sunnah menganggap sahabat sebaik-baik manusia selepas Rasulullah s.a.w. Ibnu Hajar al-Haitami dan lain-lain lagi menyebut sebaik-baik manusia dari umat ini (umat Nabi Muhammad) ialah Abu Bakar, kemudian Umar kemudian Othman dan kemudian Ali.²⁴ Imam Malik sewaktu ditanya orang siapakah yang paling afdal selepas Rasulullah s.a.w.? Beliau menjawab "Yang paling afdhal ialah Abu Bakar. Lepas itu Umar, kemudian Othman dan Ali".²⁵

Imam al-Hafiz Abu Bakar Ahmad bin Ali al-Baghdadi (392-463) dalam kitabnya *al-Kifayah* dan Ibnu Hajar al-Asqalani (773-852) dalam kitab *al-Isabah* menyebut kelebihan sahabat Rasulullah s.a.w., katanya yang maksudnya:

"Keadilan sahabat adalah telah sabit dan maklum dengan pengakuan dari Allah s.w.t. sendiri melalui banyak ayat dan dari Rasulullah s.a.w. antaranya, Allah berfirman yang maksudnya:

Sesungguhnya Allah reda akan orang-orang yang beriman (sahabat) ketika mereka memberi pengangkuhan taat setia (baiah) kepada mu (hai Muhammad) di bawah pokok (di Hudaibiah), maka (dengan itu) ternyata

²⁴ Ada ulama mengatakan Ali lebih afdhal dari Othman.

²⁵ Ibnu Hajar al-Haitami, *al-Sawaiq al-Muhriqah*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, cet: II, 1985-1405, h. 86.

apa yang sedia diketahui tentang (kebenaran imam dan baiah) yang ada dalam hati mereka dan memberi mereka kemenangan yang dekat masa datangnya.

Selain itu banyak lagi ayat menjelaskan kebaikan dan kelebihan sahabat. Dalam hadis pula banyak menjelaskan kelebihan sahabat, antara lain Rasulullah bersabda, antaranya hadis yang bermaksud:²⁶

Sebaik-baik umatku ialah (yang hidup) di kurunku (para sahabat) kemudian mereka yang selepas mereka itu (tabiin), kemudian mereka yang selepas mereka itu iaitu (tabiib-tablin).

Hadis lain baginda bersabda yang bermaksud:²⁷

Jangan kamu mencaci sahabat-sahabat ku, demi Allah yang nyawaku berada di tangan-Nya, sekiranya seorang kamu membelanja harta emas sebesar Bukit Uhud, (maka perbelanjaan itu) tidak dapat menyamai secupak yang dibelanja oleh sahabat dan tidak sampai setengah cupak (yang dibelanja oleh mereka).

Hadis lain disebut oleh Imam Syafie'e bahawa baginda bersabda maksudnya:

"Sesungguhnya Allah telah memilihku dan memilih sahabat-sahabat ku, lalu menjadikan mereka persemadaanku juga penolongku. Dan akan datang di akhir zaman satu kaum mengurang-ngurang atau menghina mereka (sahabat). Awasilah, janganlah kamu kahwini dengan mereka itu, dan jangan membenar mereka mengkahwini (keluarga) kamu. Awasilah,

²⁶Syaikh Ahmad Ab. Razak al-Duwais, *Fatawa al-Lujnah al-Daimah*, Dar al-Ifta, j. 2, h. 105.

²⁷Imam Abu al-Hussain Muslim, *Sahih Muslim*, Dar al-Ifta, Riyad, cet. II, 1978-1398, j. 4, h. 1967.

jangan kamu sembahyang mayat mereka. Mereka itu tetap mendapat lantau Allah.²⁸

Imam Ahmad Ibn Hanbal menyebut yang maksudnya:

"Apabila kamu dapati seseorang menyebut-nyebut keburukan sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w., maka tuduh dan anggaplah orang itu Islamnya cacat".²⁹

Ishak bin Rahawaih menyebut yang maksudnya:

"Siapa yang mencaci sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w hendaklah dihukum dan dipenjara".³⁰

Imam Malik berkata yang maksudnya:

"Sesiapa yang mencaci Rasulullah dihukum bunuh dan sesiapa yang mencaci sahabat-sahabat baginda hendaklah diasuh dan dididik".³¹

Qadi Abu Ya'la pula berkata yang maksudnya:

"Pendapat para Fuqaha terhadap orang yang mencaci sahabat-sahabat Rasulullah ialah, sekiranya menghalal atau mengharuskan cacian itu maka dikira kafir, sekiranya mereka tidak menghalalnya, maka ia dikira fasik".³²

²⁸Ibn Taymiyyah, *al-Sarim al-Maslul 'ala Syatim al-Rasul*, Maktabah al-'Asriyah, Beirut, 1990, h. 568.

²⁹*Ibid*

³⁰*Ibid.*

³¹*Ibid*, h. 569.

³²Abu Hajar al-Haitami, dipetik dari *Hukmu Sabbi al-Sahabah li Ibnu Taimiyah wa ibn Hajar al-Haitami wa ibnu 'Abidin*, h. 11-12.

Ibnu Taymiyyah menyebut yang maksudnya:

"Sesiapa yang menyangka atau menganggap ramai para sahabat menjadi murtad selepas Rasulullah kecuali beberapa orang sahaja tidak sampai kira-kira sepuluh orang atau mereka memasikkan kebanyakannya sahabat, maka tidak syak lagi orang itu menjadi kufur".³³

Saidina Ali menyebut yang maksudnya:

"Jangan sesiapa yang melebihi aku dari Abu Bakar dan Umar r.a (kalau ada sesiapa yang berbuat demikian) aku akan memukulnya (sebagai satu hukuman) seperti hukuman pembohong dan penjahat".³⁴

Abu Zar'ah al-Razi berkata yang maksudnya:

"Apabila kau melihat seseorang lelaki menghina sesiapa dari sahabat Rasulullah s.a.w. maka ketahuilah orang itu adalah zindik (rosak akidah)".³⁵

(c) Akidah *Taqiyyah*

Taqiyyah bagi orang Syi'ah ialah wujudnya perbezaan antara apa yang diiktikad dan disembunyikan dalam hati dengan apa yang diucap dan dilahirkan. Ia sama dengan sifat nifak pada pandangan Ahli Sunnah.

Dr. Musa al-Musawi menyebut *taqiyyah* bagi Syi'ah ialah seseorang itu berkata sesuatu berbeza dan berlainan dengan apa yang disembunyikan dalam hati, atau melakukan sesuatu amalan Ibadat di hadapan orang berbeza dengan apa yang dipercayai.³⁶

³³ *Ibid.*

³⁴ *Ibid.*

³⁵ Dr. Said Ismail, *op. cit.*, h. 38-39.

³⁶ Dr. Musa al-Musawi, *al-Syi'ah wa al-Tashih*, t. percetakan, 1978-1404, h. 52.

Bagi Syi'ah, *taqiah* adalah satu akidah yang penting, tidak ada iman dan agama jika tidak ada *taqiah*. Kitab-kitab hadis, akidah dan tafsir mereka banyak menjelaskan akidah *taqiah* ini. Syaikh Muhammad bin Yaakub al-Kulaini dalam *Usul al-'Kafi* menyebut, Abu Abdullah a.s. berkata yang maksudnya:

"Sesungguhnya sembilan persepuhl agama ada apa *taqiah*, ia adalah agama Allah, tidak ada agama bagi mereka yang tidak ada *taqiah* baginya. *Taqiah* pada semua perkara kecuali pada nabiz dan saku di atas khuf (waktu mengambil wuduk)".³⁷

"Imam Abu Jaafar a.s. berkata, *taqiah* adalah sebahagian dari agama aku, agama ayah dan datukku, tidak ada iman bagi orang yang tidak ada *taqiah* baginya".³⁸

Syaikh Muhammad bin Ali Babawaih al-Qummi, ulama besar Syi'ah menyebut yang maksudnya:

"*Taqiah* adalah wajib, sesiapa yang meninggalkannya sama seperti dia meninggalkan sembahyang".

Kemudian katanya lagi yang maksudnya:

"*Taqiah* adalah wajib tidak harus dihapuskan sehingga hal keluarga Imam Mahdi (imam dua belas). Sesiapa yang meninggal *taqiah* sebelum keluar Imam Mahdi al-Qaim sesungguhnya dia telah keluar dari agama Allah, dari agama Syi'ah Imamiyyah dan telah menyalahi Allah, Rasul-Nya dan juga imam-imam".³⁹

³⁷ Muhammad bin Yaakub al-Kulani, *op. cit.* j. 2, h. 218-219.

³⁸ *Ibid.* h. 218.

³⁹ Muhammad bin Ali Babawaih al-Qummi, *Kitab al-Khisal*, Jamaah al-Mudarrisin fi al-Hamzah al-Ilmiyah, t.t., j. 1, h. 22.

Bagi Ahli Sunnah tidak ada akidah *taqiah* seperti ini, yang ada sebagaimana yang dibincang dalam Usul Fekah ialah masaalah *rukshah* dan azimat, umpamanya jika seseorang dipaksa dan diugut dengan kekerasan supaya melafazkan kata-kata kafir, maka waktu itu diharuskan orang itu melafazkan, tetapi hatinya tetap dengan iman yang sebenar, tidak ada ragu sedikit pun sebagaimana yang berlaku kepada Ammar bin Yasir, sehingga Allah menurunkan ayat 107 surah al-Nahl memperakui kebenaran beliau, firman-Nya yang bermaksud:

Kecuali orang-orang yang dipaksa (melakukan kafir) sedangkan hatinya tenang tenteram dengan iman.

(d) Pindaan Dan Pengurangan al-Quran

Setelah dirujuk kepada kitab-kitab tulisan ulama'-ulama' Syi'ah terdahulu dan sekarang, juga buku-buku tulisan ulama' Ahli Sunnah didapati ramai dari mereka mengatakan Syi'ah percaya al-Quran yang ada sekarang dipinda dan dikurangkan khususnya oleh Abu Bakar, Umar dan Othman kerana sesuatu kepentingan peribadi dan kuasa.

Kenyataan yang paling jelas mengenai sikap Syi'ah di atas disebut oleh seorang ulama' besar mereka Haji Mirza Husain bin Muhammad Taqiu al-Nuri al-Tabarsi (m. 1320H) dalam kitabnya yang bermaksud:

[Keterangan jelas pada mengisbatkan berlakunya *tahrif* (pindaan dan pengubahan kitab Allah (al-Quran)]

Dalam kitab itu beliau memetik beratus-ratus pendapat ulama' dan para mujtahid Syi'ah dari berbagai peringkat masa menyebut al-Quran ditokok tambah dan dikurangkan dari yang asal. Kitab ini mula ditulis oleh beliau pada tahun 1292H di Najaf, dan dicetak pada tahun 1298H,⁴⁰ setebal

⁴⁰Syaikh Mahabbuddin al-Khatib, *op. cit*, h. 10.

400 halaman.⁴¹ Kitab ini akhirnya ditentang oleh ramai ulama' Syi'ah kerana dikatakan ia membuka pekong di dada sendiri, tetapi pengarang itu tetap dengan sikapnya dan kemudian menulis satu lagi kitab yang namanya bermaksud:

[Penolakkan ke atas setengah syubuhat yang dilemparkan kepada kitab *Fasl al-Khitab* pada mengisbatkan adanya *tahrif* Kitab Allah (al-Quran)]

Kitab ini ditulis dua tahun sebelum ia mati.⁴² Kerana dianggap tegas dan berani menjelaskan kewujudan penambahan dan pengurangan dalam al-Quran, mayat beliau dikebumikan di tanah perkuburan makam pahlawan di Najaf tempat yang paling mulia sebagai satu penghormatan kepadanya.

Dalam kitab *Fasl al-Khitab*, pada halaman 180 disebut surah al-Wilayah yang dikatakan dibuang oleh sahabat.⁴³ Surah ini juga disebut dalam sebuah kitab yang ditulis oleh Muhsin Fani al-Kurasani. Kitab ini dicetak beberapa kali di Iran, juga surah ini pernah disiar dalam akhbar Perancis pada tahun 1842.⁴⁴

Selain daripada Syaikh al-Nuri al-Tabarsi, ramai lagi ulama Syi'ah yang sependapat dengannya seperti Muhammad bin Yaakub al-Khulaini (328H), Abu al-Hassan Ali al-Qummi, Abu Mansur Ahmad al-Tabarsi, Muhammad bin Murtada Mala Muhsin al-Kasyi, Muhammad Baqir Taqi al-Majlisi (1111H). Ni'matullah al-Jazairi (1112H), Ahmad bin Muhammad al-Ardabili dan lain-lain lagi.⁴⁵

⁴¹ Syah Ab. Aziz Wahiyullah Ahmad al-Dahlawi, *Mukhtasar al-Tuhfah al-Isthai Asyariyyah*, Dar al-Ifta, Riyad, 1404, h. 30.

⁴² Syaid Mahabbudin al-Khatib, *op. cit.*, h. 10.

⁴³ Lihat Lampiran A, surah al-Wilayah dan terjemahan dalam Bahasa Farsi.

⁴⁴ Syeikh Mahabbuddin al-Khatib, *op. cit.*, h. 11.

⁴⁵ Dr. Muhammad Ahmad al-Najafi, *al-Syi'ah wa Tahrif al-Quran*, Dar al-Wai' al-Islam, Beirut t.t. h. 63.

Al-Khulaini menyebut, al-Quran sebenar ada pada Imam Ghaib yang dipanggil Mashaf Fatimah besarnya tiga kali ganda al-Quran yang ada sekarang. Katanya yang bermaksud:

"Mashaf Fatimah padanya seperti al-Quran kamu ini tiga kali ganda, demi Allah tidak ada padanya satu huruf pun dalam al-Quran kamu ini....."⁴⁶

Tempat lain disebut, bahawa al-Quran yang dibawa oleh Jibrail kepada Muhammad s.a.w. ada sebanyak 17,000 ayat.⁴⁷

Di tempat lain disebut lagi, Abu Jaafar berkata yang maksudnya:

"Tidak mendakwa seseorang manusia yang dia mengumpul al-Quran semuanya sebagaimana yang diturunkan oleh Allah kecuali dia adalah pembohong, tidak ada orang yang mengumpul dan menghafalnya seperti yang diturunkan oleh Allah kecuali Ali bin Abu Talib dan imam-imam selepasnya".⁴⁸

Syaikh al-Hussain al-Nuri al-Tabarsi menyebut, diriwayatkan dari ulama' *rafidhah mutaqaddimin*, mereka menyebut bahawa al-Quran yang ada pada kita sekarang bukannya al-Quran yang Allah turunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. bahkan al-Quran itu telah diubah, dipinda, ditambah dan dikurangkan.⁴⁹

Dari petikan-petikan di atas jelas ulama' Syi'ah menganggap al-Quran sekarang telah dipinda dan diubah oleh para sahabat. Ini berbeza

⁴⁶ Al-Khulaini, *op. cit*, j. 1, h. 239

⁴⁷ *Ibid*, j. 2, h. 634

⁴⁸ Muhammad Abd. Sattar al-Tumisawi, *op. cit*, h. 30.

⁴⁹ *Ibid*, h. 34.

dengan sikap Ahli Sunnah yang yakin al-Quran sekarang tetap asli tidak dipinda dan diubah.

Mengikut kajian ulama', ada empat orang ulama' Syi'ah yang mengatakan al-Quran sekarang tidak dipinda dan diubah. Mereka berkata demikian kerana beramal dengan akidah *taqiah*, mereka ialah Muhammad bin Ali bin al-Hussain Babawaih al-Qummi al-Saduq (M.381), Syaid al-Murtada (M.436), Muhammad bin al-Hassan al-Tusi (M.460) dan Abu Ali at-Tabarsi (M.548).⁵⁰

(e) Ahli Sunnah Kafir dan Najis

Orang-orang Syi'ah memusuhi Ahli Sunnah sepanjang masa dan menarnakan Ahli Sunnah dengan nama gelaran *Nasib* dan *Nuwasib*. Perkataan ini banyak terdapat dalam kitab-kitab mereka termasuk dalam kitab *Tahrir al-Wasilah* karangan Imam Khomeini. *Nasib* dan *Nawasib* bagi Syi'ah ialah gelaran bagi sesiapa sahaja yang mendahulukan orang lain ke atas Ali s.a.w. dan mereka adalah sebagai orang kafir. Dalam kitab *al-Mahasin al-Nafsaniah fi Ajwibah al-Masail al-Khurasaniah*, halaman 145 menyebut *al-Nasib* ialah sesiapa sahaja yang mendahulukan Abu Bakar dan Umar ke atas Ali dan menerima imamah keduanya⁵¹ atau dengan kata lain *Nasib* dan *Nawasib* adalah meliputi semua Ahli Sunnah yang menerima perlantikan Abu Bakar, Umar dan Othman sebagai khalifah sebelum Ali. Ahli Sunnah telah mendahulukan tiga sahabat tersebut ke atas Ali, kerana itu semua Ahli Sunnah adalah *Nasib* dan *Nawasib*.⁵²

Ni'matullah al-Jazairi dalam kitabnya *al-Anwar al-Nu'maniah*, juzuk 2, halaman 206-207, menyebut *Nasib* (Ahli Sunnah) adalah najis

⁵⁰ *Ibid.* h. 29.

⁵¹ Dipetik dari Muhammad Matullah, *Maukif al-Syi'ah min Ahl al-Sunnah*, t. percetakan, t.t. h. 13.

⁵² *Ibid.* hal: 14-19.

dan dia lebih jahat dari Yahudi, Kristian, Majusi dan dia kafir serta najis. Pendapat ini adalah pendapat ijmak ulama' Syi'ah Imamiyyah.⁵³

Al-Khomeini dalam bab nikah menyebut tidak sah orang Syi'ah berkahwin dengan Ahli Sunnah (Nasib), katanya yang bermaksud:

"Tidak harus bagi perempuan mukmin Syi'ah berkahwin dengan Nasib lelaki Ahli Sunnah, begitu juga tidak harus lelaki mukmin Syi'ah berkahwin dengan Nasibah perempuan Ahli Sunnah kerana kedua-dua (Nasib dan Nasibah) itu kafir sekalipun mereka beragama Islam".⁵⁴

Tempat lain dalam bab najis, beliau berkata yang maksudnya:

"Adapun orang-orang *Nasib* dan Khawarij Laknat Tuhan ke atas mereka, kedua-duanya najis".⁵⁵

Dalam bab sembelihan pula, Khomeini berkata yang maksudnya:

"Halal penyembelihan semua orang dari 'Firqah Islam kecuali penyembelihan orang *Nasib*, sekalipun mereka pada lahirnya Islam".⁵⁶

Katanya lagi yang bermaksud:

"Sekiranya seorang kafir dari berbagai jenis kafir atau sesiapa yang dihukum sama dengan orang kafir seperti golongan *Nawasib* (Ahli Sunnah) - laknat Allah ke atas mereka itu - sekiranya mereka ini melepaskan anjing buruan mereka (untuk menangkap binatang buruan)

⁵³ *Ibid.* h. 20.

⁵⁴ Al-Khomeini, *Tahrir al-Wasilah*, Tehran, t.t., j. 2, h. 286.

⁵⁵ *Ibid.* j.1, h. 118.

⁵⁶ *Ibid.* j. 2, h. 146.

maka binatang buruan yang ditangkap (dibunuh) itu - tidak halal dimakan".⁵⁷

Di sini jelas, al-Khomeini meletakkan Ahli Sunnah sama dengan orang kafir lain sehingga binatang buruan mereka tidak halal dimakan, perkahwinan mereka tidak sah.

Mengenai sembahyang mayat pula al-Khomeini menyebut yang maksudnya:

"Tidak harus (sembahyang mayat) ke atas orang kafir semua jenisnya termasuk orang murtad dan orang yang dihukum kafir dari kalangan orang beragama Islam seperti *Nawasib* dan *Khawarij*".⁵⁸

Adakah benar Ahli Sunnah kafir dan najis sehingga tidak sah kahwin, tidak halal dimakan penyelembihan mereka dan sebagainya? Mengikut pandangan Ahli Sunnah, semua pengikut Ahli Sunnah dikira golongan yang selamat yang mengikut Sunnah Nabi s.a.w. Apa yang dikatakan oleh golongan Syi'ah di atas terhadap Ahli Sunnah, bererti mengatakan kepada Nabi s.a.w. juga. Benarlah apa yang dijelaskan oleh Ibnu Taimiyyah mengenai sikap Syi'ah itu, katanya yang bermaksud:

"Syi'ah beranggap kufur Ahli Sunnah lebih berat dari kufur orang-orang Yahuhi dan Kristian kerana mereka itu (Yahudi dan Kristian) adalah kafir asli, sedangkan Ahli Sunnah dikira golongan murtad, dan kufur murtad memang lebih berat dari kafir asli".⁵⁹

⁵⁷ *Ibid*, j. 2, h. 136.

⁵⁸ *Ibid*, j. 1, h. 79.

⁵⁹ Muhammad Malullah, *op. cit*, h. 43.

ii. Perselisihan Perkara Furu'

a. Nikah Mut'ah

Di antara perkara furu' yang berbeza di antara Ahli Sunnah dan Syi'ah ialah nikah mut'ah. Orang Syi'ah mengharuskan mut'ah sampai ke Hari Kiamat. Ia boleh diakadkan oleh perempuan sendiri tanpa perlu kepada saksi, tidak wajib nafkah dan lain-lain. Bagi mereka, mut'ah mempunyai kelebihan yang besar. Fathulullah al-Kasyi dalam tafsirnya menyebut yang maksudnya:

"Sesiapa yang melakukan mut'ah sekali, darjatnya (pangkatnya) sama seperti darjat Hussain a.s. sesiapa melakukan mut'ah dua kali darjatnya seperti darjat Hassan a.s. sesiapa melakukan mut'ah tiga kali, darjatnya seperti darjat Ali bin Abu Talib a.s. sesiapa yang melakukan mut'ah empat kali darjatnya sama dengan darjat aku (darjat nabi)".⁶⁰

Syaikh al-Kasyi menyebut yang maksudnya:

"Sesiapa yang keluar ke dunia (yang lahir di dunia) sedangkan dia tidak melakukan mut'ah, di hari kiamat nanti dia datang dalam keadaan botak kepala".⁶¹

Di tempat lain al-Kasyi menyebut lagi, dikatakan nabi bersabda yang maksudnya:

"Ketahuilah kamu bahawa mut'ah telah dikhkususkan oleh Allah kepada aku kerana kemuliaan dan kelebihan aku di atas para nabi yang dahulu, sesiapa bermut'ah sekali seumur hidupnya, dia menjadi ahli syurga. Apabila seseorang lelaki dan perempuan yang melakukan mut'ah berada di satu tempat (bagi melakukan mut'ah) malaikat turun menjaga mereka

⁶⁰Dipetik dari Muhammad Abd. Sattar al-Tunisawi, *op. cit.*, h. 77.

⁶¹*Ibid.*

berdua sehingga mereka berdua berpisah, jika kedua-dua bercakap, maka percakapan mereka itu menjadi zikir dan tasbih kepada Allah. Apabila salah seorang memegang tangan seorang lagi, maka gugurlah dosa-dosa dari tangan mereka. Apabila seorang mencium yang satu lagi diberi pahala tiap-tiap kali cium sama dengan pahala haji dan umrah".⁶²

Abu Jaafar al-Qummi dalam kitabnya *Man La Yahduruhu al-Faqih* menyebut yang maksudnya:

"Seseorang mukmin tidak sempurna (imannya) sehinggalah dia melakukan mut'ah".⁶³

Bagi Ahli Sunnah mereka sepakat mengatakan mut'ah adalah haram. Hukum harus mut'ah pada awal Islam telah dinasahkan. Sesiapa yang melakukan dianggap melakukan zina. Mut'ah telah diharamkan oleh Allah dan Rasulullah s.a.w. sampai ke hari kiamat.

(b) Sembahyang Jumaat

Mengikut golongan Syi'ah Sembahyang Jumaat tidak sah kecuali jika imamnya nabi atau imam-imam yang dua belas orang yang bersifat maksum. Setelah ghaibnya imam yang kedua belas, mereka berselisih pendapat.⁶⁴

Imam Khomeini berpendapat Sembahyang Jumaat diberi pilihan kepada orang Islam sama ada mahu menunaikan atau meninggalkan dan diganti dengan Sembahyang Zohor, katanya yang bermaksud:

⁶²*Ibid.*, h. 77-78.

⁶³*Ibid.*, h. 80, Abu Jaafar Muhammad Babawiah al-Qummi, *Man la Yahduruhu al-Faqih*, Jemaah al-Mudarrisin fi al-Ilmiyyah, t.t., j. 3, h. 344.

⁶⁴Dr. Ali Ahmad al-Salus, *Fiqh al-Syi'ah al-Imamiyyah*, Matbaah Ibnu Taimiyah, Kuwait, cet: I, 1978, j. 1, h. 202-203.

"Wajib Sembahyang Jumaat pada masa ini diberi pilih sama ada muahu Sembahyang Jumaat atau Sembahyang Zohor, Sembahyang Jumaat lebih afdhal, dan Zohor lebih elok, dan yang lebih elok lagi menunaikan kedua-duanya Sembahyang Jumaat dan Zohor".⁶⁵

Disamping itu menjual beli selepas azan Jumaat dan melakukan kerja-kerja lain tidak dikira haram.⁶⁶

Selain dari dua perkara di atas ada beberapa perkara furu' yang berbeza, di antara Ahli Sunnah dan Syi'ah, di antara lain ada tersebut dalam Fekah Imam al-Khomeini:

i. Sembahyang jenazah bagi orang yang berjunub adalah sah, tidak haram.⁶⁷

ii. Di antara perkara yang membatalkan sembahyang meletakkan tangan di atas tangan yang satu lagi seperti kita lakukan sewaktu kiam kecuali kerana *taqiah*, maka tidak batal.⁶⁸

iii. Tidak batal sembahyang dengan tersenyum suka sekalipun sengaja, tetapi batal dengan menyebut perkataan "Amin" di akhir Fatihah kecuali kerana taqiah ia tidak batal.⁶⁹

iv. Suci daripada najis sewaktu sembahyang hanya disyaratkan tempat letak dahi waktu sujud sahaja tidak pada tempat-tempat lain, bahkan tempat lain tidak mengapa walaupun ada najis.⁷⁰

⁶⁵ Al-Khomeini, *Tahrir al-Wasiah*, j. 1, h. 231.

⁶⁶ *Ibid.*

⁶⁷ *Ibid.*, h. 38.

⁶⁸ *Ibid.*, j.1, h. 280.

⁶⁹ *Ibid.*, j. 1, h. 190 dan 188-189.

Penutup

Demikian sebahagian daripada beberapa perbezaan di antara aliran Sunni dan Syi'i dalam banyak perkara, dalam bidang akidah dan pokok-pokok agama juga dalam perkara furu' (fekah). Dari huraian di atas, penulis merasakan agak susah hendak menyatukan di antara Ahli Sunnah dan Syi'ah. Ini kerana Ahli Sunnah berada di satu pihak, sedangkan mereka pula di satu pihak lain. Bagaimana hendak bersatu dengan mereka, sedangkan mereka mencaci dan mengkafiri ramai *Kibar al-Sahabat* dan lain-lain penyelewengan lagi. Awasilah dari terpengaruh kepada dakyah dan propoganda Syi'ah dan orang-orang yang terpengaruh dengannya. Jagalah agama dan iman dengan berpandukan kepada al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. dan pendapat-pendapat ulama Islam Ahli Sunnah yang muktabar. Umat Islam perlu membaca kitab-kitab ulama' Syi'ah dan Ahli Sunnah bagi mengetahui ajaran mereka yang sebenar dan menolak pengaruh mereka.

⁷⁰ *Ibid*, j. 1, h. 119-125.